

47

SOALAN NO: 415

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN
MOHD AKIN

SOALAN:

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik mengenai pemberhentian kerja (*retrenchment*) yang ada pada tahun 2017 serta berapakah bilangan pekerja yang telah diserap semula ke dalam dunia pekerjaan.

PR-1361-T02151

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, pada tahun 2017 seramai 35,097 orang pekerja telah diberhentikan. Daripada jumlah tersebut, seramai 31,159 orang pekerja (89%) yang diberhentikan secara pemberhentian biasa dan seramai 3,938 orang pekerja(11%) yang terlibat dengan pemberhentian secara sukarela (VSS). Manakala, jumlah pekerja tempatan yang diberhentikan ialah seramai 32,055 orang pekerja berbanding seramai 3,042 orang pekerja asing. Pekerja asing yang terlibat dengan pemberhentian telah pulang ke negara asal.

2. Seramai 32,055 orang pekerja tempatan yang diberhentikan telah dikategorikan kepada beberapa golongan berdasarkan usaha mereka mencari pekerjaan iaitu seramai 2,655 orang telah menjalani latihan melalui program *1Malaysia Outplacement Centre (1MOC)* di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). Menerusi inisiatif ini, pekerja yang telah diberhentikan kerja akan dilengkapi dengan kemahiran industri tambahan atau kelayakan yang diperlukan untuk membolehkan mereka bekerja semula dan diserapkan ke dalam jawatan selepas tamat latihan ke syarikat yang mencarum dengan PSMB. Seramai 1,276 orang yang berdaftar dengan *JobsMalaysia* telah dipadankan dengan kekosongan pekerjaan yang didaftarkan oleh majikan. Melalui usaha ini, seramai 150 orang

49

pekerja yang berjaya ditempatkan di pekerjaan baru sehingga Disember 2017. Manakala seramai 29,250 orang telah memilih untuk mencari pekerjaan sendiri dan menceburi lapangan baru seperti keusahawanan.

3. Salah satu inisiatif kerajaan untuk meningkatkan peluang kebolehpasaran pekerja Malaysia yang telah diberhentikan kerja melalui penubuhan Pusat Sehenti Perkhidmatan Pekerjaan Kebangsaan di semua UTC Negeri di mana Pusat *JobsMalaysia* beroperasi. Bagi tujuan ini, Agensi seperti Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), TERAJU, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut memberikan perkhidmatan setempat kepada golongan sasaran iaitu pencari kerja termasuk pekerja yang terlibat dengan pemberhentian diberi keutamaan.

4. Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja (JTKSM) sepanjang tahun 2017 seramai 183,433 pencari kerja berjaya ditempatkan dalam pekerjaan. Dari jumlah ini seramai 57,320 orang adalah pencari kerja dari kalangan siswazah dan seramai 126,113 orang adalah pencari kerja dari kalangan bukan siswazah. Pada tahun 2018 hingga 28 Februari, program-program ini telah berjaya menempatkan seramai 31,239 orang pencari kerja ke alam pekerjaan. Dari jumlah ini seramai 9,583 orang pencari kerja adalah dari kalangan siswazah manakala seramai 21,656 orang adalah dari kalangan bukan siswazah.

50

SOALAN NO.416

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SHAMSUL
ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]**

SOALAN :

**YB Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta
PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah pihak Suruhanjaya Pilihan
Raya (SPR) menambah kategori pengundi awal dan undi pos sedangkan
kemudahan untuk mengundi semakin mudah serta mempunyai jaringan
yang baik.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan SPR memperluaskan kategori pengundi pos kepada Sembilan (9) Jabatan/agensi kerajaan adalah untuk memberi kemudahan kepada anggota-anggota keselamatan, kesihatan dan perkhidmatan yang bertugas pada Hari Mengundi atas justifikasi bahawa anggota yang terbabit merupakan pemilih yang tidak dapat meninggalkan tugas mereka pada hari mengundi demi memastikan aspek keselamatan, kesihatan dan perkhidmatan kepada rakyat terjamin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini SPR tidak menambah kategori pengundi awal.

Sekian, terima kasih.